

PROMOSI PINDAHAN LUAR NEGARA

Kemas kini terakhir pada 21 Mei 2024

TEMPOH PROMOSI

Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") (secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") "**Promosi Pindahan Luar Negara**" ("**Promosi**") bermula pada **08 Julai 2024** dan berakhir pada **07 September 2024**, termasuk kedua-dua tarikh, melainkan dinyatakan atau diberitahu sebaliknya ("**Tempoh Promosi**").

TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat Promosi ("T&S") adalah seperti berikut:

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada pelanggan individu Bank ("**Pelanggan**") yang merupakan pengguna HLB Connect Online ("**HLB Connect**") yang baharu dan sedia ada dengan Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB dalam mata wang MYR ("**CASA/CASA-i**") sepanjang Tempoh Promosi. Pelanggan Baharu merujuk kepada mereka yang bukan pengguna HLB Connect mahupun mempunyai sebarang CASA/CASA-i dengan Bank sebelum Tempoh Promosi.
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang:
 - (i) telah melakukan atau sedang disyaki melakukan tindakan penipuan atau kesalahan menyalahi undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - (ii) menghadapi prosiding muflis atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
 - (iii) telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat penggunaan HLB Connect (secara kolektif, "**Terma dan Syarat Berkaitan**") pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi..

MEKANIK PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan mestilah memenuhi dan melaksanakan kriteria pra-syarat berikut semasa Tempoh Promosi:
 - (i) log masuk ke HLB Connect Online; dan
 - (ii) **berjaya** melakukan Pindahan Luar Negara dengan jumlah minimum Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) setiap transaksi.

(selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**").
4. Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan di bawah Klausula 3 di atas akan berpeluang memenangi:-
 - (i) Pulangan Tunai sebanyak Ringgit Malaysia Lima (RM5) ("**Ganjaran Pulangan Tunai**"), terhad kepada tujuh ratus lima puluh (**750**) **pelanggan layak pertama** setiap Bulan Promosi seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah; dan
 - (ii) **Satu (1) unit iPhone 15 Pro 256 GB** ("**Hadiah**") untuk pelanggan yang layak dengan mempunyai **transaksi tertinggi** pindahan luar negara dalam Tempoh Promosi seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Tempoh Promosi	Ganjaran Pulangan Tunai: Pulangan Tunai RM5	Hadiah: iPhone 15 Pro 256GB
<p>Bulan Promosi 1: 08 Julai - 07 Ogos 2024</p> <p>Bulan Promosi Ke-2: 08 Ogos - 07 September 2024</p>	<p><u>Kaedah Pemilihan Pemenang:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Tujuh ratus lima puluh (750) Pelanggan Layak pertama yang membuat pindahan ke luar negara dengan minimum RM1,000 bagi setiap transaksi melalui HLB Connect akan memenangi Ganjaran Pulangan Tunai bagi setiap Bulan Promosi ("Pemenang Pulangan Tunai"). Setiap Pelanggan Layak hanya boleh memenangi satu (1) Ganjaran Pulangan Tunai untuk setiap Bulan Promosi. <p>Cth 1: Pelanggan Layak yang berjaya melakukan dua (2) pindahan luar negara pada bulan Julai hanya akan menerima satu Ganjaran Pulangan Tunai.</p> <p>Cth 2: Pelanggan Layak yang memenangi Ganjaran Pulangan Tunai pada bulan Julai boleh memenangi Ganjaran Pulangan Tunai untuk bulan Ogos.</p>	<p><u>Kaedah Pemilihan Pemenang:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> Hanya satu (1) Pelanggan Berkelayakan dengan jumlah transaksi pemindahan luar negara terkumpul tertinggi akan memenangi Hadiah ("Pemenang Hadiah") Bilangan transaksi pemindahan luar negara dikira dari 08 Julai hingga 07 September 2024

5. Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) Pelanggan Layak yang telah mempunyai bilangan transaksi tertinggi yang sama jumlahnya, Pelanggan Layak yang telah **mengumpulkan jumlah transaksi pemindahan luar negara tertinggi dengan jumlah pindahan tertinggi**, akan dipilih sebagai pemenang Hadiah ("Pemenang Hadiah").
6. Jumlah peruntukan untuk promosi ini adalah seperti berikut:
 - a. Ganjaran Pulangan Tunai terhad kepada Ringgit Malaysia Tujuh Ribu Lima Ratus (RM 7,500); dan
 - b. Hadiah adalah terhad kepada 1 unit iPhone 15 Pro 256GB.

PEMENUHAN PROMOSI

(A) Ganjaran Pulangan Tunai

7. Pelanggan Layak berpeluang memenangi satu (1) **Ganjaran Pulangan Tunai** untuk setiap Bulan Promosi berdasarkan **siapa cepat dia dapat** sehingga bilangan Pemenang yang dinyatakan telah dipenuhi dengan sewajarnya. Bank tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan Pelanggan Layak sekiranya peruntukan Ganjaran Pulangan Tunai telah mencapai hadnya semasa Bulan Promosi dan/atau Tempoh Promosi. Pemenang rebat tunai yang memenangi Ganjaran Pulangan Tunai pada Bulan Promosi 1 (Julai) masih layak untuk memenangi Ganjaran Pulangan Tunai sekali lagi pada Bulan Promosi ke-2 berikutnya (Ogos).
8. Pihak Bank akan memaklumkan kepada Pemenang dan mengkreditkan Ganjaran Pulangan Tunai ke dalam akaun CASA/CASA-i (iaitu digunakan untuk melaksanakan transaksi pindahan luar

negara)ransaksi Layak **dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja** selepas tamat setiap Bulan Promosi.

9. Pemenang Pulangan Tunai akan dimaklumkan melalui HLB Connect App Push Notification (“**IAP**”)/ Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”) atau sebarang kaedah komunikasi yang dianggap sesuai oleh Bank selepas pulangan tunai dikreditkan.
10. Bank berhak untuk membatalkan Ganjaran Pulangan Tunai jika CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai (digunakan untuk melakukan transaksi pemindahan ke luar negara) tidak aktif atau ditutup sebelum Bank mengkreditkan Ganjaran Pulangan Tunai.

(B) Hadiah

11. Hanya satu (1) sahaja Pemenang Layak boleh memenangi Hadiah pada Tempoh Akhir Promosi. Pemenang Hadiah adalah berdasarkan jumlah transaksi pemindahan luar negara terkumpul tertinggi dari 8 Julai hingga 7 September 2024.
12. Pihak Bank akan memaklumkan kepada Pemenang Hadiah melalui HLB Connect App Push Notification (“**IAP**”)/ Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”) atau sebarang kaedah komunikasi yang dianggap sesuai oleh Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas tamat tempoh promosi dan pemenang perlu mengambil hadiah tersebut di cawangan Bank terdekat dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas Bank memberitahu pemenang. Jika gagal untuk mengambil Hadiah dalam masa yang ditetapkan, Bank berhak membatalkan Hadiah.
13. Pemenang Hadiah mesti mengekalkan CASA/CASA-i yang aktif dan sah yang digunakan untuk melakukan transaksi pemindahan luar negara dan tidak dorman atau ditutup. Bank berhak untuk membatalkan Hadiah jika senario ini berlaku.
14. Pemenang Hadiah hendaklah berhubung terus dengan pembekal yang diberi kuasa untuk semua perkara yang berkaitan dengan maklumat Hadiah, tuntutan dan jaminan. Bank tidak memberi jaminan kepada kualiti atau kesesuaian hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan apa-apa barang yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan oleh kecacatan bahan atau mutu kerja oleh pengilang di bawah jaminan atau sebaliknya). Pemenang Hadiah akan menanggung kos dan perbelanjaan, berurusan terus dengan pembekal untuk sebarang aduan, pertikaian atau tuntutan berhubung dengan item tersebut tanpa bantuan bank.
15. Bank berhak untuk menggantikan Ganjaran Pulangan Tunai dan/atau Hadiah Promosi (dengan nilai yang setara yang dianggap munasabah oleh Bank).

UMUM

16. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak:
 - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca dan memahami T&S dan bersetuju untuk terikat dengan T&S di sini;
 - (ii) bersetuju bahawa semua rekod pemenuhan keperluan yang dirakam oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang adalah muktamad dan konklusif;
 - (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan Layak;
 - (iv) memberi kebenaran dan kuasa kepada Bank untuk mendedahkan nombor telefon bimbit mereka kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (199901007872 (482662-D)) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan alamat e-mel mereka kepada DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)), penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan e-mel bagi tujuan Promosi ini;
 - (v) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk memberikan butiran hubungan yang sah dan terkini kepada Bank termasuk alamat e-mel dan memaklumkan Bank dengan segera sekiranya berlaku sebarang perubahan. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan Layak, jika berkenaan, disebabkan oleh ketidaktepatan alamat e-

- mel yang diberikan oleh Pelanggan Layak atau e-mel tidak dapat dihantar atas apa jua sebab sekalipun;
- (vi) bersetuju untuk mengakses www.hlb.com.my dan/atau www.hlisb.com.my (“**Laman Sesawang Bank**”) pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi dan memastikan sentiasa dikemas kini dengan sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;
 - (vii) bersetuju bahawa sebarang e-mel yang dihantar kepada Pelanggan Layak adalah bergantung sepenuhnya pada ketersediaan dan kualiti perkhidmatan pembekal perkhidmatan/rangkaian yang berkaitan dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan sekiranya situasi berikut berlaku:
 - (a) e-mel ditangguhkan, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran oleh pembekal e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pengalihan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh pembekal e-mel Pelanggan Layak (selepas ini dirujuk sebagai “**Kegagalan Rangkaian**”). Oleh yang demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan Layak atau mana-mana pihak ketiga daripada sebarang kelewatan atau kegagalan dalam menerima sebarang penghantaran SMS dan/atau e-mel daripada Bank disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Tiada rayuan atas kelewatan atau kegagalan tersebut akan dilayan;
 - (viii) bersetuju untuk bertanggungjawab ke atas sebarang caj telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia hasil daripada komunikasi dengan Bank yang berkaitan dengan Promosi ini; dan
 - (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
17. Bank berhak :
- (i) (i) dengan notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang disenaraikan di sini dengan cara menyiarkan tambahan, pemadaman, penggantungan atau pindaan T&S yang disenaraikan di sini atau penamatan Promosi ini di Laman Web Bank;
 - (ii) untuk kehilangan Ganjaran Pulangan Tunai dan/atau Hadiah sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi T&S di sini, Terma dan Syarat Berkenaan dan/atau semua undang-undang/peraturan lain yang berkenaan.
18. Sebagai tambahan kepada T&S yang ditetapkan di sini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat berkenaan hendaklah dibaca bersama dengan T&S ini di sini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, T&S di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
19. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S di sini dan apa-apa pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Promosi ini, T&S di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
20. T&S ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
21. Melainkan dinyatakan sebaliknya, perkataan yang menunjukkan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menunjukkan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan mengenai T&S ini, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.